

**PENGARUH KEADILAN ORGANISASI, GAYA KEPIMPINAN
DAN SAIZ FIRMA KE ATAS KOMITMEN ORGANISASI DI
PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) MALAYSIA**

RUZITA MANSHOR

**Tesis yang dikemukakan sebagai Memenuhi Syarat untuk Ijazah Doktor
Falsafah di Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
Universiti Malaysia Terengganu**

Januari 2018

DEDIKASI

Tesis ini didedikasikan untuk seluruh ahli keluarga yang sudi berkongsi suka duka, harapan dan pengorbanan khususnya ayah dan ibu, Manshor Tapa dan Faridah Baharom serta adik-beradik tersayang.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PENGARUH KEADILAN ORGANISASI, GAYA KEPIMPINAN DAN SAIZ FIRMA KE ATAS KOMITMEN ORGANISASI DI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS) MALAYSIA

RUZITA MANSHOR

Januari 2018

| | |
|-------------------------|--|
| Penyelia Utama | : Profesor Mohd Shaladdin Muda, Ph.D. |
| Penyelia Bersama | : Profesor Madya Ahmad Munir Mohd Salleh @ Embat, Ph.D. |
| | : Zuha Rosufila Abu Hasan, Ph.D. |
| | : Muhammad Abi Sofian Abdul Halim, Ph.D. |
| Pusat Pengajian | : Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim |

Pelbagai dasar dan polisi telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk meningkatkan kelangsungan dan kejayaan firma Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Namun, sehingga kini firma PKS masih menghadapi pelbagai masalah dan isu dalam mengembangkan perniagaan mereka terutamanya dari segi ketidakadilan dalam pengagihan gaji, kenaikan pangkat, penilaian prestasi dan peluang latihan yang terhad. Faktor tersebut dikaitkan dengan masalah komitmen yang rendah dalam kalangan pekerja. Oleh hal yang demikian, objektif utama adalah untuk mengkaji hubungan di antara keadilan organisasi dan gaya kepimpinan dengan komitmen organisasi serta menentukan peranan saiz firma sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam sektor pembuatan di firma PKS. Data kajian telah

dikutip menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 690 orang responden dan sebanyak 510 (73%) orang responden memberikan maklumbalas. Terdapat dua kaedah statistik yang digunakan bagi menganalisis data kajian ini iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik deskriptif melibatkan ujian kekerapan, min dan sisihan piawai. Manakala statistik inferensi merangkumi ujian-t sampel bebas, ujian korelasi dan ujian regresi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keempat-empat dimensi keadilan organisasi (keadilan prosedur, keadilan pengagihan, keadilan interpersonal dan keadilan informasi) dan kedua-dua gaya kepimpinan (kepimpinan transformasi dan kepimpinan transaksi) mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi. Analisis regresi bertingkat menunjukkan bahawa faktor penyederhana saiz firma memberikan kesan interaksi dalam hubungan di antara keadilan organisasi, gaya kepimpinan dan komitmen organisasi. Seterusnya keputusan kajian juga menunjukkan bahawa kepimpinan transformasi merupakan peramal yang mempunyai pengaruh paling dominan dalam mempengaruhi komitmen organisasi berbanding dimensi lain. Secara keseluruhannya, hasil kajian berjaya menambahkan pengetahuan baharu tentang kepentingan dimensi keadilan organisasi dan dimensi gaya kepimpinan sebagai faktor penyumbang kepada komitmen organisasi dalam sektor pembuatan. Kajian ini juga memberikan sumbangan yang besar kepada pengetahuan baharu berkenaan dengan peranan saiz firma sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan di antara keadilan pengagihan, keadilan informasi, kepimpinan transformasi dan komitmen organisasi. Dapatan kajian ini juga boleh digunakan di masa hadapan bagi

meningkatkan keberkesanan pengurusan firma terutama dalam usaha meningkatkan komitmen dan prestasi pekerja di firma PKS di Malaysia.